



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

DRAF UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN
BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN TAHUN 2017**

3 OKTOBER 2017

**DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

<Salutasi>

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul di majlis pelancaran Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan hasrat untuk mengadakan sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan buat kali kedua setelah sambutan yang sama diadakan pada tahun lalu.

SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAN

2. Bermula tahun lalu, Kementerian dengan kerjasama Lembaga Kaunselor telah merealisasikan Bulan Kaunseling Kebangsaan dengan hasrat untuk membudayakan perkhidmatan kaunseling dalam masyarakat.
3. Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan yang diadakan pada bulan Oktober setiap tahun bertujuan untuk membudayakan kaunseling sebagai sistem sokongan dalam masyarakat di samping memartabatkan profesion kaunseling di Malaysia.

Selain itu, sambutan ini juga diharap dapat membangkit serta mempertingkatkan kesedaran kepada masyarakat umum terhadap kepentingan perkhidmatan kaunseling.

4. Pembudayaan kaunseling sebagai sistem sokongan dalam kehidupan telah lama menjadi amalan di negara maju seperti di Amerika Syarikat. Kaunselor di negara berkenaan dilihat sebagai salah satu agen penting dalam ekosistem kesejahteraan masyarakat.
5. Peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling dalam masyarakat kini dilihat sebagai satu keperluan yang penting terutama dalam situasi masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai tekanan disebabkan oleh cabaran modenisasi dan industrialisasi. Selain daripada itu, perkhidmatan kaunseling juga dilihat signifikan seperti mana ketika membantu mangsa tragedi dan bencana. Contoh terdekat, baru-baru ini pihak Kementerian telah menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada anggota keluarga dan mangsa yang terlibat dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiyah.

Hadirin yang dihormati,

KAJIAN MENGENAI KAUNSELING DIJALANKAN

6. Bagi memastikan perkhidmatan kaunseling ini terus relevan, pelbagai kajian telah dilaksanakan oleh penyelidik kaunseling daripada universiti awam dan swasta yang boleh digunakan

oleh kaunselor dalam memastikan perkhidmatan kaunseling yang diberikan lebih berkesan dan memberi impak positif kepada masyarakat dan pembangunan negara.

1. Kajian berkaitan pendekatan kontemporari dalam kaunseling bagi menangani tekanan yang dialami oleh masyarakat khususnya remaja dibuat dan ia membantu kaunselor menangani fenomena masalah sosial seperti tingkah laku keganasan dan isu-isu sosial lain dengan lebih berkesan. Ia amat relevan dengan situasi masyarakat kita sekarang ini terutamanya di kalangan anak-anak muda.
2. Kajian berkaitan pendekatan kontemporari dalam kaunseling keluarga yang mana dapat membantu menyelesaikan konflik pasangan suami isteri dan keluarga bagi melahirkan keluarga yang lebih sejahtera juga turut dijalankan. Kajian-kajian ini telah banyak dijalankan oleh penyelidik kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM).

#Membudayakankaunseling

3. Pada tahun ini, “**#Membudayakankaunseling**” telah dipilih sebagai tema sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017. Tema ini selari dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan persepsi positif masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling sebagai sistem sokongan psikologikal sekaligus mempromosikan perkhidmatan kaunseling

- profesional kepada masyarakat dan mengangkat perkhidmatan kaunseling selaras dengan perkhidmatan profesional yang lain.
4. Namun begitu, masih ada individu dalam masyarakat yang mempunyai persepsi negatif atau 'stigma' terhadap psikologi dan kaunseling. Mereka mempunyai persepsi bahawa orang yang berjumpa kaunselor adalah orang yang mempunyai masalah mental atau jumpa kaunselor hanya membuang masa. Persepsi begini menjadi kekangan dalam membudayakan kaunseling.

Hadirin yang dihormati,

PERKHIDMATAN KAUNSELING PROFESIONAL

5. Perkhidmatan kaunseling profesional ialah perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Mereka diberikan latihan selama 4 tahun di universiti dalam bidang kaunseling. Mereka dilatih dengan kemahiran kaunseling dan terikat dengan kod etika dalam memberikan perkhidmatan kaunseling. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu sedar bahawa kaunselor profesional sebenarnya mempunyai peranan yang sangat besar.

6. Peranan kaunselor bukan hanya kepada sebilangan kecil masyarakat tetapi merangkumi semua peringkat umur, baik daripada kanak-kanak sehingga kepada warga emas dan juga pelbagai lapisan golongan masyarakat seperti ibu tunggal, mangsa, rakan jalanan dan sebagainya.

PERANCANGAN, PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN DASAR

7. Menyedari akan kepentingan kaunseling dalam usaha untuk menyejahterakan masyarakat, kerajaan telah menggubal dan menguatkuasakan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) sejak Mac 1998. Hasil daripada penggubalan akta tersebut, Lembaga Kaunselor telah ditubuhkan.
8. Bermula pada tahun 2000 sehingga 31 Ogos 2017, difahamkan bahawa Lembaga Kaunselor telah berjaya mendaftarkan sejumlah **7,397 orang kaunselor di negara ini**. Secara khususnya sejumlah **6,550 orang kaunselor didaftarkan di Semenanjung, manakala 502 orang kaunselor di Sabah dan 329 orang kaunselor di Sarawak**.
9. Saya melihat kewujudan Lembaga Kaunselor sangat mendesak dan relevan dengan situasi semasa. Lembaga Kaunselor telah melaksanakan Program Perkembangan Profesionalisme Berterusan (CPD) Kaunselor Berdaftar sebagai syarat wajib bagi membolehkan Perakuan Amalan Dwitahunan diperbaharui. Saya melihat bahawa program yang

dikuatkuasakan pada 3 Oktober 2017 yang bertujuan untuk memperkasakan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam perkhidmatan kaunseling.

10. Selain itu, difahamkan juga bahawa Lembaga Kaunselor akan menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kaunselor (Fi) 2017 yang mana telah dikuatkuasakan pada 4 Oktober 2017 bertujuan mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi perkhidmatan yang disediakan oleh mereka.
11. Di kesempatan ini, saya ingin menggalakkan semua kaunselor profesional di negara ini, bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan serta badan-badan kebajikan untuk terus merancang aktiviti-aktiviti yang boleh disertai oleh semua golongan masyarakat di setiap peringkat usia sepanjang tempoh Bulan Kaunseling Kebangsaan tahun 2017. Sudah tiba masanya, persepsi bahawa perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan hanya untuk insan yang bermasalah dan mampu membayar perkhidmatan perlu diubah. Sebaliknya, perkhidmatan ini hendaklah diberikan kepada semua lapisan masyarakat sama ada kepada golongan yang mampu atau orang kurang upaya.

PENUTUP

12. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Unit Amalan Kaunselor, KPWKM dan Lembaga Kaunselor yang telah menganjurkan majlis pelancaran Bulan Kaunseling Kebangsaan bagi tahun 2017 ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli Jawatankuasa kerja, wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis kali ini.

13. **INI BULAN KITA, JOM JADIKAN IA SATU KENYATAAN.**

Dengan lafaz 

Saya, dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017. #Membudayakankaunseling.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamu'alaikum W.B.T.